

## ISTIQAMAH DALAM IBADAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Bersyukur ke hadrat Ilahi, kerana kita dapat bertemu dengan Ramadan pada tahun ini. Berapa ramai sanak saudara serta rakan taulan kita yang tidak sempat bersama kita beribadah pada bulan Ramadan ini. Marilah kita

mengambil peluang untuk melipat gandakan amalan ketaatan pada bulan yang penuh barakah ini supaya kita menjadi orang yang bertaqwa. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam Surah al-Baqarah ayat ke 183:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

*Yang bermaksud : Wahai orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.*

Setelah seminggu kita berada dalam bulan Ramadan, marilah kita meneruskan amal ibadah kita secara istiqamah sehingga ke penghujung Ramadan. Teruskanlah dengan menunaikan solat sunat terawih dua puluh rakaat sepanjang bulan Ramadan secara berjemaah serta memperbanyak amal ibadah sunat yang lain seperti bertadarus al-Quran, memperbanyakkan bersedekah dan lain-lain.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Contohnya para ulama' salafussoleh yang juga menjadi teladan kepada kita untuk kita meneruskan ibadah sepanjang Ramadan dengan beristiqamah. Antara contoh yang boleh menjadi ikutan kita ialah Imam Shafi'e r.a. Sebagaimana Imam al-Nawawi menceritakan bahawa Imam Shafi'e r.a. mengkhatamkan dua kali bacaan al-Quran setiap malam sepanjang Ramadan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Melakukan ibadah secara berterusan iaitu istiqamah adalah merupakan satu cabaran yang amat berat sehingga Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ditanya oleh para sahabat mengapakah yang menyebabkan rambut Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam beruban. Maka jawab Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam:

شَيْبَتِي هُوَ وَأَخْوَاتُهَا

Yang bermaksud: *Yang menyebabkan aku beruban, ialah kandungan Surah Hud dan surah-surah seumpamanya.*

Menurut keterangan ulama', berubannya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam itu adalah kerana kandungan surah Hud yang banyak menceritakan perihal hari kiamat, selain secara khususnya, terdapat satu ayat yang meminta Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam untuk melakukan sesuatu yang agak mencabar dalam agama, iaitu untuk beristiqamah. Firman Allah dalam surah Hud ayat 112:

فَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ

Yang bermaksud: *Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepadamu.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Marilah kita bersama-sama beristiqamah iaitu meneruskan amal ibadah kita pada bulan Ramadan yang mulia ini yang masih berbaki tiga minggu lagi dengan menanam tekad dan azam supaya kita dapat menyempurnakan ibadah sehingga ke akhir Ramadan. Dengan itu, wujudkanlah suasana yang baik beribadah bersama keluarga, iaitu bermula daripada rumah dan seterusnya di masjid. Bagi menggalakkan anak-anak serta golongan remaja beristiqamah dalam meneruskan ibadah boleh dilaksanakan melalui pendekatan yang mesra dengan mewujudkan aktiviti yang menarik di masjid. Untuk melakukan ibadah dengan berterusan iaitu beristiqamah memerlukan sokongan daripada banyak pihak antaranya datang beramai-ramai solat tarawih secara berjemaah bukan pada awal Ramadan sahaja tetapi berterusan hingga ke hujung Ramadan. Begitu juga datang beramai-ramai untuk mendirikan solat fardu lima waktu berjemaah sehari semalam sama ada di masjid atau surau yang berdekatan. Marilah kita bersama-sama meramaikan majlis bertadarus al-Quran pada sepanjang Ramadan dengan tidak hanya mengharapkan orang yang sedia ada sahaja sebelum ini yang hadir bertadarus. Mudah-mudahan, Allah mengurniakan kekuatan kepada kita untuk istiqamah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا  
بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنتُمْ تُوعَدُونَ

Yang bermaksud: *Sesungguhnya orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka beristiqamah tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunkah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): "Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.*

طِبْرَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ

مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ

الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.